



TEKUN NASIONAL

## POLISI PEMBERIAN MAKLUMAT TEKUN NASIONAL

Tarikh Kuat kuasa : 01/08/2024 No. Dokumen : JIPR/POLISI/02

# POLISI PEMBERIAN MAKLUMAT TEKUN NASIONAL

(NO ISU: 02/2022)

DISEDIAKAN OLEH  
JABATAN INTEGRITI DAN PENGURUSAN RISIKO  
TEKUN NASIONAL  
NO.TELEFON : 03-9059 8844  
E-MEL : [integriti@tekun.gov.my](mailto:integriti@tekun.gov.my)

DISAHKAN UNTUK EDARAN	
Tarikh Daftar	01 AUG 2024
Tarikh Edaran	01 AUG 2024
'AP SISTEM % KAE DAH TEKUN	

## POLISI PEMBERIAN MAKLUMAT TEKUN NASIONAL

### 1.0. PENGENALAN

- 1.1. Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, TEKUN Nasional perlu sentiasa mengamalkan Tadbir Urus Korporat yang baik (*good corporate governance*) dan menjunjung integriti dalam semua aktiviti operasi dan urusan pentadbirannya. Ini termasuklah memastikan warga kerja tidak terlibat dalam aktiviti yang menyalahi etika dan peraturan TEKUN Nasional dan juga undang-undang negara.
- 1.2. Bagi mencapai matlamat ini, TEKUN Nasional telah memperkenalkan Kod Etika TEKUN Nasional sebagai rujukan dan panduan kepada warga kerja dalam melaksanakan tugas. Kod Etika ini menerangkan nilai-nilai murni yang perlu dipatuhi oleh semua warga kerja pada setiap masa.
- 1.3. Dalam Kod Etika berkenaan, warga kerja TEKUN Nasional juga dimaklumkan bahawa mereka mempunyai tanggungjawab untuk melaporkan sebarang pelanggaran Kod Etika kepada pihak pengurusan untuk diambil tindakan selanjutnya.
- 1.4. Maka Polisi Pemberian Maklumat ini dilaksanakan untuk diguna pakai oleh warga kerja TEKUN atau mana-mana pihak luar yang berurusan dengan TEKUN bagi menyalurkan maklumat berkaitan salah laku, pelanggaran Kod Etika dan kesalahan jenayah yang dilakukan oleh warga kerja kepada pihak Pengurusan.

DISAHKAN UNTUK EDARAN

Tarikh Daftar	01 AUG 2024
Tarikh Edaran	01 AUG 2024
CAR SISTEM & KAEDAH TEKUN	

## 2.0. OBJEKTIF

### 2.1. Polisi ini dilaksanakan bertujuan untuk:

- i. menunjukkan komitmen tinggi TEKUN Nasional dalam meningkatkan integriti TEKUN Nasional dan menangani salah laku warga kerja;
- ii. memberi penekanan dan peringatan berkaitan tanggungjawab **warga kerja** dan **orang awam** yang mempunyai maklumat berkaitan salah laku dan perlakuan jenayah supaya menyampaikan maklumat kepada pihak pengurusan untuk diambil tindakan selanjutnya;
- iii. menyediakan panduan dan saluran untuk menyampaikan maklumat;
- iv. memberi perlindungan kepada Pemberi Maklumat yang membuat pendedahan atau aduan berkenaan dari sebarang tindak balas akibat daripada laporan / pendedahan yang telah dibuat;
- v. memastikan pendedahan dibuat seawal mungkin mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan;
- vi. menggalakkan pemberi maklumat membuat pendedahan dengan memelihara kerahsiaan maklumat dan memudahkan pemberi maklumat dalam membuat pendedahan kepada agensi penguatkuasaan; dan
- vii. memastikan tindakan yang sewajarnya dapat diambil hasil pendedahan kelakuan tidak wajar oleh warga kerja yang terlibat.

## 3.0. TAKRIFAN

### 3.1. Dalam konteks Polisi Pemberian Maklumat ini, perkataan di bawah membawa maksud seperti yang berikut:

- i. **agensi penguatkuasaan** bermaksud:
  - a) mana-mana Kementerian, Jabatan, Agensi atau badan lain yang dibentuk oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri

E:SAHKAN UNTUK EDARAN	
Tarikh Daftar	01 AUG 2024
Tarikh Edaran	01 AUG 2024
'AR. SISTEM % KAE DAH TEKUN	

- atau Kerajaan Tempatan termasuk suatu Unit, Seksyen, Bahagian, Jabatan atau Agensi Kementerian, Jabatan, Agensi atau badan itu, yang diberi fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan oleh mana-mana undang-undang bertulis atau yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan;
- b) suatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang diberi fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri itu atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain; dan
  - c) suatu Unit, Seksyen, Bahagian, Jabatan atau Agensi sesuatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang mempunyai fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan.
- ii. **polisi** ertiinya merujuk kepada Polisi Pemberian Maklumat TEKUN Nasional;
  - iii. **warga kerja TEKUN Nasional** ertiinya warga kerja dan Ahli Lembaga Amanah / Pengarah yang dilantik di TEKUN Nasional dan entiti di bawahnya;
  - iv. **pemberi maklumat** ertiinya mana-mana warga kerja TEKUN atau orang awam yang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar kepada Pengurusan TEKUN Nasional atau seseorang yang membuat laporan kepada Agensi Penguatkuasaan sama ada secara lisan atau bertulis;
  - v. **kelakuan tidak wajar** ertiinya apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah;
  - vi. **kesalahan tatatertib** ertiinya apa-apa tindakan atau peninggalan yang menjadi suatu pelanggaran tatatertib dalam badan awam atau badan swasta sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang atau dalam suatu tatalaku, kod etika atau pekeliling atau suatu kontrak kerja, mengikut mana-mana yang berkenaan;

DISAHKAN UNTUK EDARAN	
Tarikh Daftar	01 AUG 2024
Tarikh Edaran	01 AUG 2024
'AR. SISTEM % KAEDAH TEKUN	

- vii. **maklumat sulit** termasuklah:
- maklumat tentang identiti, pekerjaan, alamat kediaman, alamat kerja atau tempat beradanya:
    - seseorang pemberi maklumat; dan
    - seseorang yang terhadapnya seseorang pemberi maklumat telah membuat pendedahan kelakuan tidak wajar;
  - maklumat yang didedahkan oleh seseorang pemberi maklumat; dan
  - maklumat yang jika didedahkan, boleh menyebabkan mudarat kepada mana-mana orang.
- viii. **tindakan yang memudaratkan** termasuklah:
- tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;
  - ugutan atau gangguan;
  - gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian mana-mana orang, termasuk diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, keadaan yang merugikan, penamatan atau layanan buruk berhubungan dengan pekerjaan, kerjaya, profesi, tred atau perniagaan mana-mana orang atau pengambilan tindakan tatatertib; dan
  - suatu ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c).

#### 4.0. PELAKSANAAN POLISI PEMBERIAN MAKLUMAT

- 4.1. Polisi ini antara lain menerangkan prosedur dan proses memberi maklumat dan tindakan yang akan diambil selepas maklumat diterima. Polisi ini tidak menggantikan prosedur tindakan tatatertib sedia ada yang mengendalikan kes salah laku dan kesalahan-kesalahan lain.

C:SAHKAN UNTUK EDARAN

POLISI PEMBERIAN MAKLUMAT TEKUN NASIONAL

5

Tarikh Daftar	01 AUG 2024
Tarikh Edaran	01 AUG 2024
'AR. SISTEM % KAEADAH TEKUN	

- 4.2. Pelaksanaan polisi ini melibatkan semua **warga kerja TEKUN Nasional** dan **orang awam**. Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat berkenaan salah laku dan kesalahan jenayah perlu menyampaikan maklumat kepada Pengurusan TEKUN Nasional.
- 4.3. Warga kerja dan orang awam boleh memberi maklumat sekiranya disyaki telah / akan berlaku apa-apa **Kelakuan Tidak Wajar (KTW)** yang melibatkan kesalahan tatatertib dan jenayah termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara-perkara berikut:
- i. rasuah dan penipuan;
  - ii. kesalahan jenayah;
  - iii. gangguan seksual;
  - iv. penyalahgunaan dana atau aset TEKUN Nasional;
  - v. penyalahgunaan kuasa;
  - vi. penyelewengan kewangan atau pelanggaran peraturan kewangan;
  - vii. pelanggaran Kod Etika TEKUN Nasional;
  - viii. apa-apa perlakuan yang boleh mencemarkan imej TEKUN Nasional;
  - ix. tindakan / pengabaian yang membahayakan kesihatan dan keselamatan warga kerja TEKUN Nasional, orang ramai atau alam sekitar; dan
  - x. dengan sengaja mengarahkan atau menasihati seseorang untuk melakukan mana-mana satu daripada perkara di atas.

## 5.0. MEMBUAT PENDEDAHAN / LAPORAN DENGAN NIAT BAIK

- 5.1. Polisi ini diwujudkan bagi menggalakkan warga kerja dan orang awam untuk **membuat pendedahan / laporan dengan niat baik** dan semua aduan atau laporan yang diterima akan disiasat dan diambil tindakan sewajarnya.

DISAHKAN UNTUK EDARAN

POLISI PEMBERIAN MAKLUMAT TEKUN NASIONAL

6

Tarikh Daftar	01 AUG 2024
Tarikh Edaran	01 AUG 2024
'AP. SISTEM & KAEDAH TEKUN'	

- 5.2. Sekiranya hasil siasatan mendapati aduan ini tidak benar, maka identiti Pemberi Maklumat tetap akan dirahsiakan dan tiada tindakan tatatertib akan diambil dengan syarat aduan yang dikemukakan tidak mempunyai niat jahat.
- 5.3. Sebarang aduan, laporan atau maklumat palsu dan / atau sengaja membuat tohmahan dan / atau berunsur fitnah atau dibuat sama ada untuk menjatuhkan seseorang atau imej jabatan dan atau untuk apa-apa tujuan lain sekalipun dan penyalahgunaan mekanisme polisi ini ia merupakan satu kesalahan dan tindakan tatatertib boleh diambil kepada sesiapa yang terlibat.

## 6.0. PERLINDUNGAN DARIPADA TINDAK BALAS

- 6.1. TEKUN Nasional memberi jaminan bahawa Pemberi Maklumat akan dilindungi (setakat yang munasabah ianya dapat dilaksanakan) daripada sebarang tindak balas daripada mana-mana pihak terutamanya daripada pegawai yang terlibat dalam aduan atau laporan berkenaan.
- 6.2. TEKUN Nasional juga memberi jaminan bahawa tiada tindakan disiplin akan diambil terhadap Pemberi Maklumat dengan syarat maklumat yang diberi adalah tepat, berdasarkan fakta dan tiada elemen niat jahat.
- 6.3. Sebarang pendedahan tanpa nama akan dilayan dengan syarat, maklumat / bukti yang diterima adalah mencukupi dan tidak bersifat remeh. Tiada perlindungan / jaminan akan diberikan kepada pemberi maklumat tanpa nama. Walau bagaimanapun, TEKUN Nasional akan menyiasat pendedahan yang dilaporkan.

## 7.0. KERAHSIAAN

- 7.1. Semua maklumat akan dirahsiakan dan identiti Pemberi Maklumat tidak akan didedahkan melainkan undang-undang memerlukannya.

DISAHKAN UNTUK EDARAN

Tarikh Daftar	01 AUG 2024
Tarikh Edaran	01 AUG 2024
'AR. SISTEM & KAEDAH TEKUN'	

POLISI PEMBERIAN MAKLUMAT TEKUN NASIONAL

- 7.2. TEKUN akan mengambil semua langkah yang perlu untuk memastikan bahawa identiti dan maklumat peribadi Pemberi Maklumat akan dilindungi pada setiap masa dan disimpan secara rahsia, sehingga ke satu tahap yang munasabah melainkan jika ianya dikehendaki oleh undang-undang atau untuk tujuan apa-apa prosiding oleh TEKUN. Dalam kes sedemikian, TEKUN akan memaklumkan berkenaan pendedahan tersebut kepada Pemberi Maklumat sebelum identiti mereka didedahkan.
- 7.3. Mana-mana orang yang mengetahui mengenai laporan KTW hendaklah melakukan segala usaha yang wajar untuk menjaga kerahsiaan maklumat sulit, khususnya identiti Pemberi Maklumat.
- 7.4. Pemberi Maklumat, penerima laporan atau mana-mana orang yang terlibat dalam proses siasatan tidak boleh mendedahkan maklumat yang berkaitan dengan laporan atau mana-mana bahagian daripadanya, prosiding atau keputusan, kecuali;
- i. pendedahan dibuat kepada mereka yang diberi kuasa dan mempunyai keperluan yang sah untuk mengetahui; atau
  - ii. pendedahan dibuat kepada pihak ketiga atas dasar kerahsiaan bertujuan mendapatkan nasihat profesional; atau
  - iii. pendedahan yang diperlukan oleh undang-undang atau mana-mana pihak berkuasa berkanun.

#### 8.0. MELAPORKAN SALAH LAKU

- 8.1. Pemberi Maklumat mesti membuat laporan secepat mungkin berkenaan kejadian salah laku atau jenayah yang telah berlaku atau disyaki akan berlaku.
- 8.2. Laporan atau aduan mesti dibuat secara bertulis, dihantar dengan tangan, melalui pos atau e-mel bagi tujuan untuk memastikan isu-isu yang dibangkitkan adalah jelas.

DISAHKAN UNTUK EDARAN

POLISI PEMBERIAN MAKLUMAT TEKUN NASIONAL

8

Tarikh Daftar	01 AUG 2024
Tarikh Edaran	01 AUG 2024
'AR. SISTEM % KAEDAH TEKUN'	

- 8.3. Laporan perlu diletakkan di dalam sampul surat jika dihantar melalui pos, dengan "Private and Confidential" ditulis di luar sampul, dan dialamatkan kepada:

**Ketua Pegawai Integriti  
TEKUN Nasional  
Menara 5, Lingkaran Maju,  
Jalan Lingkaran Tengah 2,  
Bandar Tasik Selatan,  
57000 Kuala Lumpur.  
E-mel : integriti@tekun.gov.my**

- 8.4. Sekiranya aduan hendak dibuat secara lisan, maka Pemberi Maklumat boleh:
- menghubungi Ketua Pegawai Integriti di talian 03-9059 8844; atau
  - hadir ke pejabat Ketua Pegawai Integriti TEKUN Nasional.
- 8.5. Sekiranya Ketua Pegawai Integriti atau mana-mana pegawai di Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko (JIPR) yang melakukan KTW, maka maklumat boleh dikemukakan melalui e-mel **mailbox@tekun.gov.my** yang dikendalikan oleh Jabatan Korporat dan Pemasaran (JKP).
- 8.6. Carta Alir Prosedur Pemberian Maklumat adalah seperti diterangkan di **Lampiran 1**.
- 8.7. Bagi memastikan TEKUN Nasional memberi perlindungan kepada Pemberi Maklumat dan mendapatkan maklumat lanjut berkaitan pendedahan tersebut, maka Pemberi Maklumat perlu memberikan maklumat (identiti Pemberi Maklumat ini akan dilindungi dan dirahsiakan) seperti berikut;
- Nama Pemberi Maklumat;
  - Nombor Kad Pengenalan; dan
  - Nombor telefon untuk dihubungi.

- 8.8. Bagi membantu Ketua Pegawai Integriti memberi respons kepada laporan atau aduan berkenaan dan penyiasatan dilaksanakan, maka aduan haruslah dibuat **berdasarkan fakta** dan **bukan bersifat spekulatif**. Aduan perlu mengandungi maklumat terperinci sebanyak mungkin bagi membolehkan tindakan sewajarnya diambil.
- 8.9. Penyiasatan sukar dijalankan sekiranya suatu aduan itu tidak mengandungi maklumat yang spesifik berkenaan salah laku yang didakwa, atau tidak jelas, dan tidak disokong oleh bukti atau saksi. Sehubungan itu, pengadu harus **sedaya upaya yang boleh** memberikan maklumat berikut:
- kejadian yang didakwa berlaku, perkara atau isu yang menjadi subjek aduan;
  - nama setiap orang yang terlibat;
  - jika aduan melibatkan kejadian atau kejadian-kejadian yang spesifik, maka anggaran tarikh, waktu dan lokasi setiap kejadian perlu dimaklumkan; dan
  - segala maklumat tambahan, dokumentasi atau bukti lain yang boleh disediakan bagi menyokong aduan.
- 8.10. Aduan KTW melalui surat layang juga boleh diterima. Namun, tindakan seterusnya adalah berdasarkan kepada kecukupan maklumat yang diberikan.
- 8.11. Setiap aduan yang diterima akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Menerima Maklumat (JMM) bagi menentukan tindakan seterusnya.
- 8.12. Apabila siasatan selesai dan terdapat bukti wujudnya salah laku, maka langkah pembetulan sewajarnya akan diambil dan pihak yang melakukan salah laku akan diambil tindakan mengikut prosedur tindakan tatatertib.

DISAHKAN UNTUK EDARAN

Tarikh Daftar	01 AUG 2024
Tarikh Edaran	01 AUG 2024
'AR. SISTEM % KAEDAH TEKUN	

- 8.13. TEKUN Nasional juga boleh merujuk aduan berkenaan kepada **agensi penguatkuasaan** seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sekiranya aduan melibatkan pelanggaran undang-undang negara dan bagi kes seperti ini, Pemberi Maklumat akan dilindungi di bawah **Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711)**.

#### **9.0. AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 (AKTA 711)**

- 9.1. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) atau *Whistleblower Protection Act 2010* adalah akta yang memberi perlindungan kepada Pemberi Maklumat yang memberi maklumat kepada **agensi penguatkuasaan**.
- 9.2. Akta ini telah berkuat kuasa mulai 15 Disember 2010 dan dilaksanakan oleh semua agensi penguatkuasaan yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan seperti SPPM, PDRM, Kastam, Imigresen dan JPJ.
- 9.3. Pemberi Maklumat boleh terdiri daripada mangsa atau orang yang mempunyai pengetahuan tentang sesuatu KTW sama ada:
- menerusi pengetahuannya sendiri;
  - menerusi maklumat yang diperolehi daripada orang yang mempunyai pengetahuan tentang KTW; atau
  - mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam sesuatu KTW.
- 9.4. Pemberi Maklumat akan diberi perlindungan di bawah polisi ini dengan syarat pendedahan yang dibuat adalah benar dan jujur seperti mana yang dinyatakan dalam Akta Pemberi Maklumat 2010.

- 9.5. Perlindungan yang diperuntukkan di bawah akta ini adalah:
- perlindungan maklumat peribadi pemberi maklumat;
  - kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah; dan
  - perlindungan daripada tindakan yang memudaratkan seperti ugutan atau gangguan.
- 9.6. Perlindungan ke atas Pemberi Maklumat boleh terbatal sekiranya;
- Pemberi Maklumat terlibat dalam perlakuan yang tidak wajar;
  - Pemberi Maklumat dengan sengaja memberi kenyataan palsu;
  - pendedahan maklumat adalah berniat jahat;
  - pendedahan maklumat adalah perkara yang remeh dan menyusahkan;
  - Pendedahan KTW mempersoalkan kebaikan / kelebihan dasar kerajaan, termasuk dasar sesuatu badan awam;
  - pendedahan dibuat semata-mata untuk mengelak daripada dibuang kerja / tindakan tatatertib yang lain; atau
  - Pemberi Maklumat telah melakukan kesalahan di bawah Akta 711.

#### 10.0. HASIL PENDEDAHAN

Ketua Pegawai Integriti boleh memaklumkan hasil siasatan pendedahan kepada Pemberi Maklumat sekiranya perlu dan Pemberi Maklumat memberikan maklumat yang lengkap untuk dihubungi.



#### 11.0. TARIKH KUAT KUASA

Pelaksanaan Polisi Pemberian Maklumat TEKUN Nasional berkuat kuasa mulai tarikh polisi ini dikeluarkan dan membatalkan Polisi Pemberian Maklumat TEKUN Nasional (JIPR/POLISI/02) bertarikh 01/12/2022.


Tarikh Daftar	01 AUG 2024
Tarikh Edaran	01 AUG 2024
'AR. SISTEM % KAEDAH TEKUN	

## 12.0. PENUTUP

Pelaksanaan polisi ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada warga kerja TEKUN berhubung panduan dan saluran untuk menyampaikan maklumat serta perlindungan yang akan diterima oleh Pemberi Maklumat dan membolehkan Pemberi Maklumat berani tampil untuk membuat aduan perkara-perkara yang tidak berintegriti bagi tujuan memelihara reputasi TEKUN.

Disediakan oleh	Disemak oleh	Diluluskan oleh
 Nama: Jalilah binti Che Bidin Jawatan: Timbalan Ketua Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko  Tarikh: 21 /07/2024	 Nama: Mohamad Razman bin Razak Jawatan: Ketua Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko  Tarikh: 31/07/2024	 Nama: Roshaimi bin Harun Jawatan: Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan dan Korporat  Tarikh: 31/07/2024

## LAMPIRAN 1



DISAHKAN UNTUK EDARAN

Tarikh Daftar	01 AUG 2024
Tarikh Edaran	01 AUG 2024
'AR. SISTEM & KAE DAH TEKUN	